

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH / HARI : 04 JULAI 2017 (SELASA)

Shah Alam: Hadiah keseluruhan bernilai RM94,000 menanti pemenang dalam Pertandingan Anugerah Bandar Rendah Karbon Shah Alam 2017 bagi melaksanakan inisiatif hijau ke arah pembangunan rendah karbon.

Pertandingan anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) terbuka kepada agensi kerajaan, universiti awam atau swasta, sekolah rendah dan menengah serta komuniti sekitar Shah Alam.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA Shahrin Ahmad berkata, pertandingan itu menjadi platform terbaik bagi menggalakkan budaya kreatif dan inovatif di kalangan masyarakat terhadap alam sekitar.

Katanya, pertandingan terbahagi kepada empat kategori dan bermula sejak 18 Mei lalu dengan tarikh tutup pada 15 September ini.

“Sebarang pertanyaan boleh menghubungi Unit Pembangunan Mampan, Jabatan Perancangan di talian 03-51105113,” katanya.

Katanya, borang dan syarat penyertaan boleh didapati di Jabatan Perancangan, Tingkat 9 Wisma MBSA atau menghantar emel ke la21shahalam@gmail.com.

Ham ulzherif

RM94,000 inisiatif hijau